

27/08/1999

PM rasmi MTDC 9 September

KUALA LUMPUR, Khamis - Pusat Teknologi Pintar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)-Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di kampus UKM Bangi, 9 September ini.

Pada majlis itu, Dr Mahathir juga akan menyaksikan empat perjanjian kontrak dan tiga memorandum persefahaman (MoU) di antara UKM dan syarikat swasta bagi perundingan penyelidikan dalam pelbagai bidang.

Perdana Menteri juga akan mengadakan lawatan ke semua lima blok bangunan pusat teknologi itu.

Pusat teknologi itu adalah projek usahasama UKM dan MTDC untuk mempergiatkan pemindahan teknologi, terutama dalam bidang bioteknologi dari universiti ke industri.

Ia menyediakan ruang dan prasarana untuk inkubasi teknologi dalam bidang bioteknologi kluster serta bidang lain yang diberi penekanan dalam Pelan Induk Industri Kedua Malaysia (IMP2).

Pusat itu juga menyediakan khidmat perundingan dalam bidang bioteknologi dan bidang pembangunan teknologi lain.

Pada sebelah petang, Dr Mahathir akan menghadiri Himpunan Mahasiswa Bersama Perdana Menteri yang dijangka dihadiri lebih 4,000 pelajar serta ahli akademik yang mewakili 11 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan empat institusi pengajian tinggi swasta (IPTS).

(END)